

Jelajah Ilmu peranan mahasiswa kepada masyarakat

UB 17.4.15 B6

KOTA BELUD: Sekretariat Permuafakatan Siswa Sisi Felda (Persada) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Seranta (Felda) negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud menganjurkan program Jelajah Ilmu Siri 2, baru-baru ini.

Menurut urusetia program Rohani Hadi, penganjuran jelajah ilmu itu bertujuan memberi motivasi dan perkongsian berkaitan kehidupan sebagai mahasiswa

kepada para pelajar sekolah menengah.

"Program ini disertai 18 mahasiswa UMS dengan melibatkan penjelajahan ke lapan sekolah menengah di daerah Kota Belud," katanya ketika dihubungi selepas program berlangsung.

Katanya, kira-kira 1,000 peserta terdiri daripada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan, SMK Pekan 2, SMK Arshad, SMK Taun Gusi, SMK Agama Tun Said, SMK Tambulion,



ASMARA (tengah) menyampaikan motivasi kepada para pelajar.



SLOT perkongsian ilmu yang dijalankan mahasiswa UMS.

SMK Usukan dan SMK Narinang berkesempatan mengikuti jelajah itu.

Rohani berkata, program kemahasiswaan seperti



ROHANI (tiga dari kanan) bersama Adzmi (tengah) dan Asmara (dua dari kiri) mengambil gambar kenangan selepas slot motivasi di SMK Narinang.



MAHASISWA UMS bergambar bersama pelajar dari SMK Usukan.



MAHASISWA Persada UMS bergambar bersama pelajar SMK Pekan II.

itu dilihat sebagai salah satu medium interaksi dua hala antara para mahasiswa dan pelajar sekolah yang sekali gus dapat membantu dalam pembentukan jati diri golongan sasaran.

"Pada acara ini, Persada

UMS telah memberi perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai suasana kehidupan di kampus. Selain itu, turut diadakan sesi motivasi yang disampaikan Ketua Seranta Sabah Asmarah Rikun dan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud Bees Sacoh.

Abidin," katanya.

Program selama dua hari itu turut dihadiri Penolong Setiausaha Khas Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah Halil Rufli dan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud Bees Sacoh.



MAHASISWA Persada UMS bergambar kenangan bersama Halil Rufli (tengah).